



SG Digital




Kit Permulaan di
meLISTEN



TAHUKAH ANDA?

meLISTEN memberi anda pengalaman audio digital interaktif secara percuma, mengikut cita rasa anda dan boleh digunakan di mana sahaja. Tidak kira di mana anda berada, terus nikmati siaran radio yang tidak asing lagi bersama DJ-DJ tempatan kegemaran anda!

LANGKAH 1 Muat turun aplikasi meLISTEN ke telefon bijak anda



Sila ke **Apple App Store** , **Google Play Store**  atau **HUAWEI AppGallery**  untuk muat turun **aplikasi meLISTEN**. Kemudian, lancarkan aplikasi tersebut.

1. Untuk pengguna iOS, ketik 'Get' (dapatkan) untuk muat turun aplikasi.
2. Untuk pengguna Android atau Huawei, ketik 'Install' (pasang) untuk muat turun aplikasi.

LANGKAH 2 Cipta akaun baharu di meCONNECT dan log masuk


Anda boleh menggunakan akaun **meCONNECT** yang sama untuk kesemua perkhidmatan digital MediCorp.

Selain itu, anda juga boleh log masuk melalui akaun Apple, Facebook atau Google.



3. Cipta akaun baharu di meCONNECT melalui alamat e-mel anda.
4. Isikan nama dan tarikh lahir anda.
5. Beritahu kami stesen radio serta pilihan audio siaran atau podcast yang anda gemari, dan kami akan sarankan kandungan, hanya untuk anda!

LANGKAH 3 Mula dengar stesen radio & podcast



6. Ikuti stesen radio kegemaran anda dan tekan sahaja untuk memaikkannya dengan mudah!
7. Dengarkan lebih banyak lagi daripada DJ-DJ kegemaran anda melalui pelbagai podcast dan dapatkan kandungan original di halaman ini!
8. Anda boleh berinteraksi dengan mereka melalui undian lagu, tinjauan pendapat, trivia dan banyak lagi!

Petua keselamatan siber (Penghargaan: Isi kandungan disediakan oleh MediCorp)

- **Jangan dedahkan** kata laluan anda kepada orang lain kerana ini boleh memberi mereka akses ke akaun dan maklumat peribadi anda tanpa kebenaran.
- Gunakan **kata laluan yang kuat** untuk mengelakkan penggunaan tanpa kebenaran.
- **Tukar kata laluan anda sekali sekala** untuk mengurangkan risiko gangguan pada akaun dalam talian anda.